



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2004**

---

#### **PINDAAN HARI REHAT SABTU**

##### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi meminda Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama pada bulan November 2004.

##### **PELAKSANAAN**


2. Kerajaan telah memutuskan supaya Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama pada 6 November 2004 ditunda kepada 13 November 2004.

3. Hari Rehat Sabtu yang ditunda tarikhnya ini tidak akan mengubah Waktu Bekerja kerana masa yang telah digunakan untuk membawa ke belakang Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama kepada 13 November 2004 telah diganti semula dengan bekerja pada Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama 6 November 2004.

## **PEMAKAIAN**

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

29 Oktober 2004

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan